

Ramli tidak terkejut jadi timbalan menteri

IPOH 10 Dis. — Bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan yang baru, tidak terkejut dengan pengumuman itu walaupun berharap dipilih menyandang jawatan lebih tinggi.

Bercakap kepada pemberita di sini petang ini, Ramli berkata, beliau tidak pernah mendapat sebarang bayangan akan dilantik memegang jawatan itu dan mengetahuinya melalui pengumuman langsung di televisyen.

"Ia tidaklah begitu mengejutkan sangat kerana ia adalah hak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya tidak terkejut walaupun harapan lain yang lebih tinggi... tapi tak terkejutlah," katanya pada sidang akhbar di kediaman rasmi Menteri Besar di sini hari ini.

Beliau yang tetap bersyukur dengan pelantikan itu berjanji akan cuba menjalankan tanggungjawab, amanah dan kepercayaan yang diberikan itu dengan sebaik mungkin.

Katanya, pengalaman selama hampir 18 tahun sebagai Menteri Besar Perak akan digunakan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas baru yang bakal dihadapi sedikit masa lagi.

"Saya akui tidak mem-

punyai kemahiran dalam mengendalikan hal-hal berkaitan pengangkutan tetapi saya ada pengalaman am sebagai pentadbir selama hampir 18 tahun iaitu berpeluang menjadi Menteri Besar yang berjaya mententeramkan keadaan (ketika itu).

"Pengalaman tersebut amat berguna dan akan disalurkan sepenuhnya untuk menjalankan tanggungjawab jawatan baru ini," ujarnya.

Ramli, 58, dilahirkan di Pasir Salak, mendapat ijazah undang-undang dari Queen's University, Belfast, United Kingdom dan pernah menjadi peguam di Mahkamah Tinggi Malaysia.

Jawatan

Mula menjadi Exco kerajaan negeri Perak pada tahun 1978 selepas memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kampung Gajah tahun yang sama.

Karier politiknya bermula apabila dilantik memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan (1978) dan Menteri Besar Perak bermula pada 1 Mac 1983.

Pada pilihan raya umum lalu, beliau mengalahkan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Osman Abdul Rahman dalam perebutan kerusi Parlimen Pasir Salak.